



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TEROKA KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA SURUHANJAYA EHWAL ETNIK REPUBLIK RAKYAT CHINA

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menganjurkan Majlis Makan Malam bersama Suruhanjaya Ehwal Etnik Republik Rakyat China (NEAC) di Putrajaya, malam tadi. Majlis ini telah dihadiri oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan TYT Duan Yijun, Timbalan Menteri NEAC.

Majlis ini diadakan bertujuan menzahirkan penghargaan KPN terhadap usaha serta komitmen yang ditunjukkan oleh NEAC dalam mempromosikan perpaduan dan keharmonian negara. Di samping itu, ia juga menjadi **platform penting untuk memperkukuh hubungan dua hala antara Malaysia dan China**, khususnya dalam aspek tadbir urus etnik, keharmonian sosial dan integrasi pelbagai budaya.

KPN dan NEAC kini sedang meneroka potensi kerjasama strategik dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan pengukuhan perpaduan sosial. Antara inisiatif yang sedang dibincangkan termasuk **pembangunan bersama modul latihan bagi mediator komuniti** yang berasaskan pengalaman China melalui pelaksanaan Undang-undang Mediator serta pendekatan inovatif seperti Sistem Mahkamah Internet. Selain itu, kedua-dua pihak turut mencadangkan **penubuhan platform serantau seperti ASEAN-China Grassroots Social Cohesion Forum** yang berperanan sebagai wadah perkongsian amalan terbaik dalam mengukuhkan kohesi sosial di peringkat akar umbi.

Dalam usaha meningkatkan keupayaan pemantauan dan respon terhadap cabaran perpaduan, KPN dan NEAC juga membincangkan **pembangunan sistem berasaskan kecerdasan buatan (AI) bagi mengesan corak konflik mikro dalam komuniti** serta mempertingkatkan tindakan pencegahan secara proaktif. Tambahan pula, kerjasama turut dirancang dalam **pelaksanaan projek pemeliharaan warisan digital melalui penggunaan teknologi imersif seperti realiti maya (VR), realiti terimbuh (AR) dan holografi**.

KPN berharap agar hubungan dua hala yang sedia terjalin antara KPN dan NEAC dapat terus diperkukuh selaras dengan visi Malaysia MADANI yang menekankan nilai perpaduan, keterangkuman, serta penghormatan terhadap kepelbagaian budaya dan etnik dalam masyarakat.

Kementerian Perpaduan Negara

3 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (44)